

KARNIVAL PRODUK DAN PERKHIDMATAN KOPERASI MALAYSIA (MACCOPS) 2017

# ANGKASA sasar lonjak transaksi RM200j

→ MACCOPS 2017 babit 96 koperasi tempatan, global tingkat rakan dagang C2C

Oleh Syalikha Sazili  
syalikha@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menasarkan nilai transaksi RM200 juta pada penganjuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2017 dengan pembabitan koperasi antarabangsa.

Penganjuran kali ketiga yang bakal diadakan pada Rabu hingga Ahad ini di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid itu membabitkan 76 koperasi tempatan dan 20 koperasi antarabangsa, sekali gus meningkatkan bilangan rakan dagang dalam rangkaian perniagaan koperasi dengan koperasi (C2C).

MACCOPS 2017 yang bertemakan 'Kesamaan dalam kepelbagaiannya' memfokuskan kepada transformasi perniagaan koperasi ke peringkat lebih tinggi.

## Disertai pempamer luar negara

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ini kali pertama MACCOPS menjemput koperasi luar negara untuk mempamerkan produk perniagaan mereka.

Katanya ini juga turut berkait



MACCOPS buka peluang bagi koperasi meneroka peluang perniagaan yang lebih luas”

**Abdul Fattah Abdullah,**  
Presiden ANGKASA

dengan penganjuran Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa dan negara selaku tuan rumah buat kali pertama.

"Kelainan penganjuran MACCOPS pada tahun ini kerana ia membabitkan penyertaan pempamer luar negara.

"MACCOPS 2017 diadakan selari dengan ICA (Persekutuan Koperasi Antarabangsa) dengan penyertaan lebih 98 negara. Ini sekali gus membuka peluang bagi koperasi meneroka peluang perniagaan yang lebih luas.

"Jika pada penganjuran yang lalu nilai transaksi antara C2C tempatan RM10 juta maka pada tahun ini kita menasarkan kepada RM200 juta," katanya pada BH.

Penyertaan koperasi merangkumi lapan sektor utama iaitu perkhidmatan kewangan; inovasi dan teknologi; peruncitan dan pembo-

rongan; pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan; pembangunan harta tanah; pertanian dan industri asas tani serta pembangunan komuniti.

## Tepati piawaian eksport

Produk dibawa dalam MACCOPS 2017 juga menepati piawaian produk eksport iaitu halal, berkualiti dan selamat dengan jaminan pen-sijilan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Selain itu, pengisian MACCOPS 2017 turut merangkumi seminar, pameran produk dan perkhidmatan, bengkel keusahawanan, pertunjukan kebudayaan koperasi sekolah dan komuniti dan pelbagai lagi.

Pelbagai aktiviti juga ditawarkan untuk pengunjung berserta hadiah menarik untuk dimenangi seperti kereta Proton Iriz.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia